

BAB 4

SUMBANGAN PERGERAKAN REFORMASI WANITA DARI ASPEK SOSIAL

4.1 DETIK-DETIK PERMULAAN REFORMASI SOSIAL WANITA

Salah satu pencapaian yang terbesar dalam sejarah kontemporari India adalah kebangkitan reformasi sosial wanita. Pelbagai pergerakan dari segi keagamaan dan sosial telah wujud bertujuan meningkatkan taraf hidup dan martabat wanita di kalangan masyarakat Hindu di India (Shridevi.S, 1965:1) .

Abad ke 18 merupakan era “kegelapan” dalam sejarah negara India. Syarikat India Timur yang mentadbir India pada masa ini dikatakan melakukan banyak korupsi dan menindas rakyat untuk mengaut keuntungan. Menurut pandangan Vincent A. Smith dalam bukunya bertajuk “*Oxford History of India*”,(1923) “semua benda dan manusia dijual” demi meraih keuntungan.

Pada masa ini orang India termasuk kerabat raja Hindu dan Islam telah kehilangan tanah jajahan, mahkota, harta benda dan kuasa mereka. Cukai yang tinggi dikenakan oleh pihak British dan pemerintah hanya menerima pencen. Ramai pemerintah tempatan yang enggan menerima pencen tersebut dan mulai memberontak. Akhirnya mereka mengambil keputusan untuk menentang British pada May 1857(Shridevi.S, 1965:6).

Detik-detik permulaan reformasi wanita sebenarnya sudah muncul ketika pemberontakan menentang British pada tahun 1857-1858 atau lebih dikenali sebagai “The Great Revolt” apabila sekumpulan askar atau dikenali sebagai ‘sepoi’ di Utara India bankit menentang Inggeris (Manmohan Kaur, 1985:35).

Pada mulanya, pemberontakan ini disertai oleh pemerintah tempatan yang hilang tanah jajahan mereka. Apabila pemimpin-pemimpin tersebut meninggal dunia di medan pertempuran, perjuangan tersebut telah diambil alih oleh isteri-isteri mereka. Dalam usaha pemberontakan tersebut, wanita-wanita ini menunjukkan bertapa beraninya wanita India yang sanggup mengetuai angkatan perang, setanding dengan kaum lelaki. Inilah kali pertama dalam sejarah kontemporari India muncul pahlawan yang tediri dari kaum wanita (Ibid:60).

Ramai lagi golongan atasan dan kerabat raja telah bergabung tenaga untuk menentang dan cuba menghalau Syarikat India Timur dari India. Pada masa ini beberapa pahlawan wanita yang turut memberontak dalam usaha menentang British adalah seperti Rani Lakshmi Bai dari Jhansi, Begum Hazrat Mahal dan Rani dari Ramgarh (Shridevi.S, 1965:7).

Komander British pada masa itu, Sir Hugh Rose pernah menyebut bahawa, beliau begitu kagum melihat Laksimi Bai yang telah bertempur dengan penuh keberanian pada usia 23 tahun menentang pihak Britsh. Menurut ahli kaji sejarah Lakshmi Bai juga merupakan seorang pentadbir yang cemerlang. Wanita seperti Lakshmi Bai merupakan antara wanita yang cemerlang dalam era yang “gelap” bagi wanita India pada masa ini (Ibid:7).

4.2 KEBANGKITAN PERGERAKAN REFORMASI WANITA

Apabila kerajaan Britsih mula mengambil alih pentadbiran India, ramai mubaligh Kristian tiba di India pada awal abad ke 19 bertujuan menyebarkan agama Kristian. Salah seorang mubaligh Kristian yang mula-mula sampai ke India adalah Alexander Duff. Beliau terus mula menyebarkan ajaran Kristian di India sebaik saja sampai tanpa mengambil kira sentimen orang Hindu dan masyarakat tempatan (Shridevi.S, 1965:22).

Mubaligh-mubaligh ini mendapati wanita India pemalu,jarang berani memberikan pendapat dan tidak dibenarkan mendapat pendidikan oleh kebanyakan ibu-bapa. Mereka lebih gemar menurut kata kaum lelaki dan tidak mempunyai kebebasan bergaul.

Apabila ajaran Kristian dan budaya barat mula diperkenalkan, pendidikan Inggeris diperkenalkan di India. Pendidikan Inggeris banyak menceritakan budaya dan kehidupan masyarakat Eropah yang menyanjungi wanita mereka (Ibid:23).

Beberapa tokoh reformis mula berfikir cara untuk memajukan martabat wanita India,kerana wanita barat dilihat mempunyai kebebasan dan ramai yang berpelajaran tinggi. Mereka juga dianggap sama taraf oleh kaum lelaki. Cara wanita Inggeris menyampaikan pendapat secara terbuka dan bergaul tanpa mengira jantina di majlis-majlis keramaian mula menarik minat beberapa cendikiawan India (Ibid:24).

Pada mulanya reformasi ini dibangkitkan oleh beberapa tokoh reformis sosial lelaki untuk memecahkan tradisi lama masyarakat India yang menindas kaum wanita terutamanya dari aspek sosial. Reformasi ini memuncak seiring dengan aktiviti Mahatma Gandhi memperjuangkan kemerdekaan India dari pihak British. Mahatma Gandhi sendiri merupakan seorang pejuang reformis wanita yang terkenal dan amat di sanjungi (Ibid:57).

Beberapa tokoh reformis wanita awal seperti Raja Ram Mohan Roy mula berjuang untuk meningkatkan taraf hidup wanita dari aspek sosial dan agama serta ingin menghapuskan amalan tradisi Hindu yang menindas wanita seperti amalan Sati, kurangnya peluang pendidikan wanita serta Perkahwinan Kanak-Kanak(Ibid:59).

Untuk menilai sejauh mana sumbangan reformasi wanita terhadap peradaban India, adalah perlu bagi kita meninjau apakah objektif pergerakan reformasi wanita?

Beberapa gerakan sosial dan agama yang ditubuhkan bagi tujuan reformasi wanita adalah seperti Brahmo Samaj, Arya Samaj, Prathana Samaj dan Deva Samaj. Objektif utama persatuan-persatuan sosial ialah perlunya satu pergerakan reformasi perlu untuk ‘meningkatkan martabat wanita dan menghapuskan penindasan terhadap wanita’ (Margaret Cormack:1961).

Pucuk pimpinan dan pengasas persatuan-persatuan tersebut telah banyak menyumbangkan ke arah emansipasi wanita India. Ia juga merupakan detik-detik permulaan perjuangan pembebasan wanita dari pelbagai masalah sosial dan agama yang sekian lama membelengu mereka dan memberi kesedaran kepada masyarakat

untuk mengubah pendirian mereka terhadap wanita ke arah yang lebih positif dan berikan mereka layanan yang sama seperti anggota keluarga lain.

Antara kaum lelaki yang menjadi pejuang-pejuang reformis sosial bagi menolong kaum wanita adalah seperti Ram Mohan Roy yang berjuang menentang adat Sati iaitu membakar isteri bersama-sama dengan mayat suami mereka dan Ishwar Chandra Vidya Sagar yang berjuang untuk menuntut peluang dan hak pendidikan bagi wanita(Vimla Farooqui:1996:13).

Beberapa tokoh reformis lelaki yang dianggap memainkan peranan yang utama dalam pergerakan reformasi kaum wanita India semasa abad ke 19 adalah:

4.2.1 Raja Ram Mohan Roy(RRMR)

Seorang reformis kaum wanita yang amat cemerlang merupakan seorang lelaki yang bernama Raja Ram Mohan Roy(1774 -1833). Boleh dikatakan beliau merupakan salah seorang printis dalam memulakan pergerakan reformasi wanita di India pada abad ke 19. Beliau berasal dari Bengal, mendapat pendidikan Inggeris dan fasih berbahasa Arab, Inggeris,Parsi dan Sanskrit. Raja Ram Moham Roy(RRMR) amat menggalakkan orang India mempelajari pendidikan Sains dari barat (Shridevi.S, 1965:24).

Beliau berpendapat mata-pelajaran sains yang diperkenalkan oleh orang Barat boleh membantu masyarakat India mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang seperti perubatan, elektronik dan teknologi. Beliau memperjuangkan peluang pelajaran

yang sama diberikan kepada kaum wanita yang dianggap sama bijak dengan pelajar lelaki (Ibid:25).

Dalam usaha reformasi wanita, beliau telah menubuhkan persatuan yang dikenali sebagai Bramo Samaj pada 20 Ogos 1828, bagi tujuan menyedarkan masyarakat India bahawa mereka perlu bersatu dalam usaha meningkatkan martabat kaum wanita India (Shridevi.S, 1965:25). Matlamat utama yang diperjuangkan oleh persatuan ini adalah:

- Tuhan hanyalah satu.
- Hak saksama dan kebebasan wanita.
- Perkahwinan semula untuk balu wanita.

Beliau banyak menjelajah India untuk berucap dalam perhimpuan yang diadakan bagi menyeru masyarakat India supaya melepaskan diri mereka dari kepercayaan dan amalan yang karut dan berhenti menindas wanita dalam apa jua cara. Ucapan-ucapan beliau mempunyai kata-kata perangsang bagi semua wanita India dan menyeru kaum lelaki supaya mempertimbangkan idea beliau walaupun ramai yang mungkin berpendapat ianya adalah sesuatu yang radikal dan sukar diterima oleh mereka pada masa itu.

RRMR juga dikenali sebagai "*Prophet of Indian Renaissance*" kerana sumbangan beliau dalam bidang politik dalam usaha beliau menyemarakkan semangat nasionalisme di India(Shridevi.S, 1965:26). Perjuangan beliau diteruskan oleh anak muridnya yang bernama Keshab Chandra Sen

4.2.2 Keshab Chandra Sen(KCS)

Keshab Chandra Sen(1838 – 1884) juga turut menyumbang ke arah kemajuan kaum wanita. Antara sumbangan pergerakan reformasi yang dipimpin oleh beliau ialah menuntut agar peluang dan hak pendidikan untuk wanita diberi setaraf dengan lelaki.

Ramai golongan atasan India yang membawa isteri mereka ke majlis-majlis sosial yang turut dihadiri oleh wanita Britsih berpendapat bahawa status wanita dalam masyarakat India jauh lebih rendah berbanding dengan wanita British kerana kurangnya peluang pendidikan bagi wanita. Perjuangan KCS berhasil apabila beliau telah berjaya membuka sebuah sekolah untuk wanita. Sekolah ini dinamakan Victoria Institution of Girls. Sekolah ini merupakan salah satu institut terawal yang memberi peluang pendidikan khasnya kepada kaum wanita India(Shridevi.S, 1965:27).

4.2.3 Mohandass Karamchand Gandhi (MG)

Mahatma Gandhi merupakan seorang pejuang reformis kaum wanita yang amat disanjungi oleh semua lapisan masyarakat India.Beliaulah yang mendorong wanita untuk meninggalkan pegangan lama dan keluar untuk mengenali dunia dan negara mereka(Shridevi S.,2965:42).

MG secara terbuka mengkritik golongan orthodoks yang mengongkong kaum wanita dengan memetik versi-versi dari kitab suci Hindu yang menyimpang dari ajaran Hindu yang sebenar dari segi melayan seseorang wanita. Beliau menindas keras amalam perkahwinan kanak-kanak, amalan purdah dan penindasan balu wanita (Ibid:42).

Beliau berkata, "*setiap balu wanita ada hak yang sama seperti seorang lelaki yang kematian isteri untuk berkahwin lagi*". Beliau berpendapat walaupun undang-undang dan akta boleh dikenakan untuk menyekat penindasan terhadap wanita, reformasi yang sebenar harusnya berputik di setiap minda orang India untuk berhenti menindas wanita. Hanya dengan adanya kesedaran mental, masyarakat boleh berhenti penindasan dan meningkatkan martabat wanita(Ibid:44).

Ramai wanita telah menulis kepada beliau meminta nasihat dan padangan mengenai isu-isu sosial wanita di seluruh India. Sepanjang hidup MG telah berjuang demi hak saksama kaum wanita di India. Beliau menyeru ibubapa memberi perhatian dan peluang yang sama bagi setiap kanak-kanak perempuan dan lelaki dalam sesebuah keluarga (Ibid:45).

Oleh kerana MG merupakan pemimpin yang amat disanjungi oleh masyarakat India, seruan beliau supaya kaum wanita menyertai kempen-kempen 'anti-keganasan' mendapat persetujuan kaum lelaki untuk membenarkan kaum wanita keluar berjuang (Ibid:49).

4.2.4 Swami Dayanand Saraswati(SDS)

Seorang lagi reformis dan tokoh agama yang banyak meyumbang ke arah reformasi wanita dari aspek keagamaan adalah Swami Dayananda Saraswati(1842 – 1901). Beliau telah menubuhkan satu persatuan agama bernama Arya Samaj(Shridevi.S, 1965:28) bagi tujuan menyedarkan rakyat bahawa agama Hindu tidak menyuruh sesiapa menindas wanita malah, ianya memberikan status yang amat tinggi bagi wanita.Objektif utama Arya Samaj adalah:

- Memberi peluang pendidikan yang sama kepada kaum lelaki dan wanita
- Memberi ilmu yang secukupnya bagi menyediakan diri mereka untuk menempuh kehidupan masa depan apabila dewasa kelak.

Kebebasan dan peluang pendidikan bagi wanita menjadi motif utama persatuan ini di bawah pimpinan SDS. Beliau sering berucap di merata-rata tempat bagi menyedarkan masyarakat tentang tradisi lama dalam agama yang sering menindas wanita yang dianggap sebagai simbol “dewi” dalam agama Hindu.

Walaupun beliau mempunyai ramai pengikut, idea kontroversi beliau telah mendapat tentangan hebat dari orang Brahmin. Beliau banyak menyeru masyarakat Hindu kembali ke ajaran Veda yang asal dimana di zaman Veda wanita amat disanjungi dan diberi status yang sama seperti lelaki. Sumbangan beliau amat penting dalam progres wanita India untuk memecahkan amalan agama lama yang menindas mereka(Shridevi.S, 1965:29).

4.2.5 Ishwar Chandra Vidyasagar(ICV)

Peranan beliau amat penting dalam perjuangan pendidikan wanita dan perkahwinan semula balu wanita. Beliau menjadi penggerak utama dalam usaha membantu kerajaan British menubuhkan sekolah perempuan yang pertama di Calcutta pada 1849. Beliau juga telah menubuhkan sekolah-sekolah khas bagi murid perempuan di Bengal dari tahun 1855 hingga 1858. Sumbangan beliau juga boleh dilihat melalui usaha beliau membolehkan kerajaan British meluluskan Akta Kerajaan I pada 1856 bagi mengesahkan perkahwinan semula balu Hindu(Shridevi S., 1965:31).

4.2.6 Byramji Malabari(BM)

Seorang lagi reformis sosial yang begitu gigih untuk menghapuskan perkahwinan kanak-kanak dan penindasan balu wanita ialah Byramji Malabari. Artikel beliau yang bertajuk "Notes on Infant Marriage In India and Enforced Widowhood" meminta agar masyarakat berubah pendirian mengenai 2 isu yang disebutkan tadi. BM menjelajah seluruh India bagi menyampaikan mesej tersebut. Pada tahun 1890, beliau telah melawat Britain bagi melobi penghapusan perkahwinan kanak-kanak. Hasil usaha beliau berjaya apabila pihak British akhirnya meluluskan bil "Age Of Consent" pada tahun 1891 bagi menghadkan umur minima penganting perempuan ke 16 tahun(Shridevi.S, 1965:32).

4.3 SUMBANGAN TOKOH WANITA DALAM PERGERAKAN REFORMASI

Tokoh reformis wanita telah di inspirasikan oleh semangat untuk menolong kaum mereka sendiri dari kesengsaraan hidup. Tokoh-tokoh reformis wanita ini kebanyakannya terdiri daripada wanita golongan atasan dan kerabat diraja. Antara tokoh-tokoh wanita yang terkenal dalam kegiatan reformasi kaum mereka sendiri adalah seperti Pandita Ramabai, Rani Shrunomoyee, Ramabai Ranade, Maharani Tapasvini dan ramai lagi(Manmohan Kaur,1985:81).

4.3.1 Pandita Ramabai (PR)

Pandita Ramabai merupakan seorang cendikiawan wanita yang fasih bahasa Sanskrit dan Inggeris. Beliau telah mengorbankan seluruh hidup demi memperjuangkan hak wanita dan menjadi sumber inspirasi ramai wanita India pada masa itu. PR menjelajah ke serata pelusuk India pada usia 20 tahun untuk memperjuangkan hak wanita. Memandangkan kebijaksaan dan kepandaian wanita ini, gelaran “Saraswati” diberikan kepada beliau. Saraswati adalah gelaran bagi ‘Dewi Ilmu’ di kalangan masyarakat Hindu.Gelaran ini hanya diberikan kepada seorang yang benar-benar layak dan bijaksana sahaja (Shridevi.S, 1965:34).

Beliau berkahwin dengan lelaki kasta lain untuk memecahkan tradisi kasta. Pada tahun 1881 beliau memberi bukti yang kukuh mengenai penindasan terhadap kanak-kanak kepada Sir William Hunter yang mewakili pihak British di India untuk

meluluskan undang-undang had umur perkahwinan kanak-kanak dan peluang pendidikan(Ibid:35).

Pada tahun 1883 beliau telah melawat England untuk mempelajari bahasa Inggeris di Ladies College, Cheltenham dan menjadi seorang profesor sambilan di sana. Sekembalinya ke India pada Februari 1889, beliau telah menubuhkan Sharada Sadan-sebuah pertubuhan yang membantu balu-balu wanita yang ditindas.

Sharada Sadan yang berkembang pesat di Bombay dan banyak memberi peluang pendidikan untuk ramai balu wanita. Semasa zaman ‘kebuluran dunia’ pada tahun 1886, Sharada Sadan dibuka kepada semua golongan wanita yang menderita.

Satu lagi cawangan, Mukti Sadan ditubuhkan di Poona bagi tujuan menolong wanita-wanita miskin.Rumah-rumah “penyelamat” atau Mukti Sadan ini dibuka bagi menyelamatkan wanita yang didera dan ditindas oleh keluarga mertua mereka. Pada tahun 1896 dikatakan seramai 1,350 wanita diberi perlindungan di Mukti Sadan(Terdapat juga satu persatuan yang diberi nama “Ramabai Association”yang ditubuhkan di Boston, Amerika bagi tujuan mengutip derma bagi membantu usaha beliau di India (Ibid:37-38).

Usaha PR mendapat sokongan dan sanjungan dari pelbagai lapisan masyarakat. Beliau merupakan wanita pertama yang menubuhkan pelbagai pertubuhan “penyelamat” bagi menolong wanita yang sedang mengalami pelbagai rintangan dan dugaan hidup. Persatuan-persatuan yang ditubuhkan oleh beliau menjadi satu

batu asas kepada pelbagai aktiviti masa hadapan yang bertujuan menolong dan memperjuangkan hak wanita India(Ibid:38).

4.3.2 Sarojini Naidu(SN)

Sarojini Naidu dikenali sebagai seorang pemuisi, pejuang reformis wanita dan pejuang politik yang terkenal. Beliau bergiat dalam aktiviti kempen anti-keganasan, bersama Mahatma Gandhi dan dipenjarakan oleh pihak British beberapa kali kerana penglibatan politik beliau dalam pergerakan nasionalisme. Beliau mendapat pendidikan di King's College dan di Cambridge University, di Britain. Pernah menjelajah seluruh Eropah dan Amerika untuk berucap mengenai kedudukan dan keunikan wanita India. Beliau juga telah berusaha untuk meluluskan resolusi bagi melindungi bala wanita yang ditindas oleh masyarakat(Manmohan Kaur,1985:160).

SN cuba menyatukan semua wanita dari agama Hindu dan Islam supaya mereka dapat membantu negara mencapai kemerdekaan tanpa mengira perbezaan agama.SN telah berusaha mendapatkan hak mengundi bagi kaum wanita dalam arena politik India. SN telah dilantik menjadi wanita India pertama yang menjawat jawatan tertinggi iaitu sebagai President Kongres Kebangsaan India(Indian Nasional Congress) pada tahun 1925 atas hasil usaha beliau dalam pelbagai perjuangan politik dan perkembangan wanita (Ibid:163). SN juga telah menghadiri Persidang Meja Bulat di London pada 5 March, 1931 sebagai wakil rasmi semua wanita India untuk mendapatkan hak yang saksama dan kehidupan yang lebih baik untuk wanita India(Ibid:165).

4.3.3 Maharani Tapasvini(MT)

Beliau merupakan anak kepada Narayan Rao, seorang pemerintah feudal di Belur, Selatan India. Beliau juga merupakan anak saudara Rani Lakshmi Bai dari Jhansi yang bertempur dalam “Pemberontakan 1857” menentang British. Beliau telah berusaha untuk memberi peluang pendidikan kepada kaum wanita dengan menubuhkan sekolah bernama *Sanskrit Pathshala* untuk mempelajari bahasa Sanskrit(Manmohan Kaur,1985:81).

Maharani Tapasvini dikatakan sebagai seorang yang banyak menyumbang untuk meningkatkan peluang pendidikan bagi wanita Bengal. MT juga bergiat dalam pemberontakan menentang British tetapi sumbangan beliau terhadap pendidikan wanita tidak dapat dinafikan(Manmohan Kaur,1985:81).

4.3.4 Swarn Kumari Debi(SKD)

Beliau merupakan seorang tokoh reformis yang terkenal di Bengal. Berasal dari keluarga Tagore dan merupakan adik kepada Rabindranath Tagore, seorang penyajak dan pejuang nasionalisme yang terkenal. Beliau berkahwin pada usia 11 tahun dan keluar dari sebalik purdah untuk menjadi editor wanita pertama untuk majalah bertajuk “*Bamabhadini Patrika*” pada tahun 1884(Manmohan Kaur,1985:84). Beliau telah menubuhkan Persatuan Wanita pada tahun 1886 bagi tujuan:

- a) Menjalankan persahabatan dengan wanita India lain untuk mengetahui perkembangan semasa dalam kebijakan negara.

- b) Memberi perlindungan dan pendidikan bagi wanita miskin supaya mereka boleh menjadi manusia yang berguna untuk masyarakat.
- c) Menyediakan wanita yang berpelajaran sebagai satu sumber tenaga pengajar untuk meningkatkan kualiti kehidupan keluarga India.

Beliau juga telah menjadi president cawangan wanita Theosophical Society of Bengal pada tahun 1885. SKD telah berucap di Kongress Kebangsaan India pada tahun 1900 untuk memperbaiki kondisi kerja wanita di Bengal(Manmohan Kaur,1985:85).

Bukan setakat menyumbang ke arah reformasi kaum wanita,SKD juga telah mengasuh dan mendidik anak perempuannya Sarala Devi, menjadi seorang pejuang nasionalisme wanita yang terkenal di India(Manmohan Kaur,1985:95).

4.3.5 Ramabai Ranade(RR)

Beliau adalah isteri kepada reformis sosial yang terkenal iaitu Hakim Ranade. RR bertemu dengan Pandita Ramabai pada tahun 1882 dan bergiat dalam persatuan Arya Mahila Samaj untuk meningkatkan taraf hidup wanita India. Beliau telah berucap di Pune meminta gabenor Sir James Ferguson menu buhkan sebuah sekolah tinggi perempuan di Bombay. Beliau ditentang oleh kaum wanita keluarganya sendiri ayng berfikiran orthodoks. Beliau menubuhkan Hindu Ladies Club dan memulakan kelas pendidikan untuk wanita miskin dan balu(Manmohan Kaur,1985:86) dari rumah beliau.

RR juga telah menubuhkan Seva Sadan Nursing dan Medical Association bagi tujuan melatih ramai wanita dalam bidang kejururawatan dan kebajikan bagi menolong masyarakat miskin. Beliau telah menghantar ramai wanita yang menerima latihan di persatuan-persatuannya untuk berkhidmat di hospital Pune. Salah sebuah buku yang ditulis oleh beliau, ‘*Reminiscences*’ telah menjadi sebuah teks klasik bahasa Marathi sehingga ke hari ini(Manmohan Kaur,1985:86).

Tokoh-tokoh reformis wanita bukan setakat berjuang untuk meningkatkan taraf hidup kaum wanita sahaja, malah tokoh-tokoh ini sebenarnya menyediakan wanita dengan pelbagai skil dan ilmu untuk membantu masyarakat India menjalani satu kehidupan yang lebih baik. Di samping itu, tokoh wanita ini juga cuba menyedarkan kaum wanita bahawa sumbangan mereka amat diperlukan oleh negara untuk mencapai kemerdekaan.

4.4 PENGHAPUSAN AMALAN TRADISI YANG MENINDAS KAUM WANITA

Tokoh-tokoh reformis wanita dan lelaki pada awalnya lebih bertumpu untuk menghapuskan amalan sosial negatif terhadap wanita seperti amalan sati, perkahwinan kanak-kanak, penindasan balu dan pelbagai lagi. Mereka berpendapat kerajaan British harus bercampur-tangan dan meluluskan akta-akta yang boleh melindungi wanita secara sah di sisi undang-undang di samping menghukum sesiapa yang mengingkarinya.

Perjuangan reformasi mula menampakan hasil yang positif apabila beberapa akta yang melindungi kedudukan wanita dan kaka-kanak perempuan diluluskan oleh kerajaan British (Manmohan Kaur,1985:8-28):

4.4.1 Akta Perkahwinan Kanak-Kanak III 1872

Kanak-kanak perempuan hanya boleh berkahwin pada umur minima 14 tahun. Akta ini pada mulanya digubal oleh Bramo Samaj,pertubuhan sosial pimpinan Raja Rammohan Roy yang berjuang meningkatkan taraf hidup wanita. Kemudian had umur ini diiktiraf sebagai undang-undang sah. Lelaki pula dibenarkan berkahwin pada umur minima 18 tahun.

4.4.2 Akta Perkahwinan Hindu 1872

Wanita dibenarkan menceraikan suami dan mereka juga dilindungi oleh kesan negatif poligami.Di bawah akta ini juga balu wanita dibenarkan berkahwin lagi. Perkahwinan antara kasta yang dilarang oleh golongan orthodoks kini boleh diamalkan dan sah di sisi undang-undang.

4.4.3 Akta Penghapusan Adat Sati 1829

Akta ini melarang keras perbuatan membakar wanita secara paksaan atau sukarela semasa upacara pembakaran mayat si suami.Masyarakat India dilarang mengadakan upacara Sati yang dianggap di laur peri kemanusian. Orang yang melakukan perkara ini boleh dihukum dan dipenjarakan.

4.4.4 Akta Sarada 1929

Kanak-kanak perempuan hanya dibenarkan berkahwin apabila mencapai umur 14 tahun. Sesiapa yang melanggar unudang-undang ini di kenakan denda. Namun ramai ibubapa meneruskan amalan ini dan menganggap ‘denda’ tersebut sebahagian daripada kos perbelanjaan perkahwinan.

4.4.5 Age of Consent Bill

Ianya diluluskan untuk melindungi kanak-kanak dari dipaksa oleh suami yang dewasa untuk mengadakan hubungan kelamin. Kanak-kanak perempuan di bawah umur tidak dibenarkan tinggal serumah dengan suami mereka sehingga umur 12 tahun ke atas .

4.4.6 Akta Devadasi 1943

Ramai ‘wanita penghibur’ menjadi perempuan simpanan golongan lelaki kaya dan menimbulkan banyak masalah di dalam keluarga. Di selatan India mereka lebih dikenali dengan gelaran Devadasi. Di barat dan tengah India mereka digelar *Kalanwantin*.

Isu ‘penari wanita’ ini diperjuangkan oleh tokoh wanita yang bernama Muthulakshmi Reddi semasa beliau menjadi ahli majlis perundangan pada tahun 1926. Beliau berjuang untuk meluluskan akta ini di Bombay. Akta ini melarang penjualan dan pembelian wanita untuk tujuan menghibur kaum lelaki. Sesiapa yang

didapati menganyaai wanita golongan ini akan dihukum mengikut syarat yang ditetapkan di bawah akta ini.

Banyak lagi akta-akta yang diluluskan oleh kerajaan British hasil desakan pergerakan reformasi kaum wanita untuk membendung penindasan terhadap wanita, namun bukan semuanya menampakkan hasil yang mujarab. Proses kembali pulih imej wanita ini merupakan satu proses yang panjang dan akta-akta ini sebenarnya menjadi perintis jalan kepada aktiviti melindungi golongan wanita di India.

4.5 SUMBANGAN REFORMASI WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN

4.5.1 Kemerosotan Tahap Pendidikan Pada Abad ke 19.

Tahap pendidikan wanita mula merosot selepas zaman Veda sehingga kemerosotannya begitu ketara pada abad ke 19. Beberapa faktor utama yang menyumbang ke arah kemunduran wanita dalam bidang pendidikan (Margaret E.Cousins,1941:100-105):

- a) Wanita tidak dibenarkan keluar rumah untuk bekerja.
- b) Perkahwinan kanak-kanak menyebabkan ramai kanak-kanak perempuan yang sudah dijodohkan dilarang keluar rumah.
- c) Jika kanak-kanak perempuan keluar untuk belajar, tiada siapa akan membantu kerja-kerja rumah.

- d) Adat lama yang melarang perempuan keluar rumah secara bebas takut dipandang serong oleh masyarakat.

Menurut Mathur(1973), dipetik dari “Abstract and Analysis of the Report of Indian Education Commission”,(1884:96-97) mengatakan dari tahun 1813-1854 wanita di India lebih di didik menguruskan rumahtangga.

Menurut Mathur(1973:36) juga,pada tahun 1822 terdapat 5,480 wanita belajar di peringkat sekolah rendah berbanding dengan bilangan lelaki seramai 178,630 dipetik dari “Report of the National Committee on Women’s Education,1958-1959.

Satu lagi perbandingan Mathur(1973:37) dari tahun 1854-1881 menunjukkan bahawa bagi setiap pelajar lelaki terdapat 46 pelajar wanita sahaja. Setiap satu dari 16 lelaki boleh menulis dan membaca berbanding dengan ratio wanita iaitu 1: 434. Bilangan pelajar wanita yang mendapat pendidikan pada masa ini adalah seperti berikut:

Jadual 4.1: Bilangan pelajar perempuan mengikut wilayah

	Madras	Bombay	Bengal	Wilayah Barat Daya
1854	8,000	6,500	6,869	386
1881	39,104	18,460	35,760	9,771

Sumber:Report of the National Committee on Women’s Education,1958-59:18-20

Apabila kerajaan British mula mengambil alih pentadbiran India, bahasa Inggeris diperkenalkan sebagai bahasa perantaraan di sekolah. Ini menyebabkan peluang pendidikan wanita semakin merosot kerana ibubapa mereka merasakan seseorang

wanita tidak memerlukan bahasa Inggeris untuk menjadi suri rumah dan isteri yang baik,(Margaret E. Cousins,1941:99).

4.5.2 Kebangkitan 1921-1947

Pada tahun 1921, apabila kuasa pentadbiran sekolah diperingkat wilayah diambil alih oleh pentadbir tempatan dari British,masyarakat tempatan mula membuat rombakan dalam kandungan mata pelajaran supaya ianya sesuai dengan keadaan semasa supaya lebih ramai akan menghantar anak mereka untuk belajar. Dari tahun 1921 hingga 1947 tahap pendidikan di India berkembang dengan pesat berbanding dengan abad ke 19(Mathur,1973:76).

Menurut Mathur(1973), dipetik dari Education In India1938-1939,Calcutta,1941:80) beberapa faktor yang menyumbang ke arah perkembangan pesat dalam sektor pendidikan di era ini adalah seperti:

- a). Pergolakan politik di India untuk menuntut kemerdekaan serta dua perang dunia yang besar telah menyedarkan masyarakat tentang hak untuk membesarkan diri dari belenggu penjajah.
- b). Pada tahun 1935, pendidikan telah diwajibkan kepada semua pelajar dan lelaki India.
- c). Aktiviti nasionalisme dan seruan Mahatma Gandhi supaya wanita membebaskan diri mereka dari amalan tradisi yang menyekat kebebasan dan

gunakan peluang untuk mendapat pendidikan

- d). Akta Sarada 1935 yang telah meningkatkan umur minima perkahwinan kepada 14 tahun membolehkan pelajar perempuan menghabiskan sekurang-kurangnya pelajaran menengah rendah.
- e). Persidangan All India Women's Conference telah menjadi titik penting dalam sejarah pendidikan wanita di India. Salah satu resolusi persidangan ini adalah menjadikan pendidikan sebagai wajib kepada pelajar perempuan di seluruh India.
- f). Peningkatan bilangan guru-guru wanita(Apendiks A).

Persidangan wanita yang pertama yang diadakan pada tahun 1927, telah memohon supaya mata pelajaran moral dan kerohanian harus dijadikan matapelajaran wajib disekolah dalam usaha reformasi pendidikan. Sehingga kini ianya menjadi asas polisi dalam sektor pendidikan India, (Cousins,1941:106).

Pada tahun 1926, semasa persidangan Kebangsaan Wanita India diadakan, satu inisiatif untuk membawa reformasi dalam bidang pendidikan wanita diperkenalkan dengan mencadangkan kurikulum khas bagi murid wanita. Usaha ini berjaya dengan penubuhan Lady Irwin Home Science College di Delhi pada November 1932 (Ibid:106).

Institut ini telah menyediakan satu kurikulum dari gabungan sosial dan seni yang boleh memanfaatkan wanita dari aspek kekeluargaan dan sosial. Guru-guru wanita dikatakan amat berkebolehan. Ini terbukti benar apabila tenaga guru wanita digunakan untuk mentadbir perjalanan proses mengundi dalam pilihanraya pada 1937, di mana 5 juta rakyat diberi hak mengundi (Ibid:107).

Pada tahun 1930, hanya 5 wanita bagi setiap seribu wanita yang mempunyai pendidikan formal menetap di wilayah Bihar. Keadaan ini berubah secara mendadak dan didapati pada tahun 1941 terdapat lebih 5000 institut di seluruh India yang memberi peluang pendidikan formal khas kepada kaum wanita sahaja, (Margaret E.Cousins, 1941:95).

Reformasi sosial wanita telah banyak membawa perubahan kepada status wanita sejak permulaan abad ke 20. Detik-detik permulaan secara rasmi perjuangan reformasi sosial wanita boleh dikatakan bermula dengan penubuhan All Indian Womens Congress(AIWC) pada Oktober, 1926(Cousins M.,1941:41).

Banyak lagi sumbangan yang dibawa oleh reformasi wanita dari aspek sosial di antaranya ialah kemajuan wanita dalam bidang pendidikan, seni, drama dan diperingkat antarabangsa. Reformasi wanita di India bukan sahaja menaikkan imej wanita dikalangan masyarakat tempatan tetapi masyarakat antarabangsa mulai melihat keberanian dan keunikkan wanita India sebagai satu khazanah peradaban yang tinggi nilainya.

4.6 SUMBANGAN REFORMASI WANITA DALAM BIDANG SENI

Ramai dari reformis wanita juga telah mengharumkan nama negara di pesada seni antarabangsa. Seni merupakan satu kriteria yang penting bagi menilai dan mengukur kemajuan sesuatu peradaban. Kehalusan dan keunikkan seni memperlihatkan sejauh mana sesuatu peradaban lebih maju dari kaum yang lain. Sumbangan reformasi wanita dalam bidang seni boleh dilihat dari pelbagai sudut secara lebih mendalam lagi dalam bentuk drama, tarian, lukisan dan lakonan:

4.6.1 Drama

Sumbangan seorang wanita tua biasanya dilihat dari segi keunikkan mereka menyampaikan cerita-cerita rakyat dan epik agama kepada cucu-cucu mereka. Cerita-cerita ini banyak diselitkan dengan ajaran-ajaran moral yang baik supaya cucu-cicit mereka akan menjadi insan yang baik dan berbudi pekerti apabila dewasa kelak. Peradaban yang maju dan tinggi nilainya memperlihatkan masyarakat yang bukan sahaja maju dari segi material bahkan dari segi akhlak dan moral juga.

Lakonan-lakonan dan taridra menjadi kebiasaan di musim perayaan agama ataupun di majlis keramaian untuk menyambut sesuatu kemeriahian. Waktu perayaan agama seperti Mahasivarathri biasanya disambut secara meriah dengan lakonan dan tarian pentas untuk tontonan orang ramai pada waktu malam selepas upacara agama selesai. Pada masa dahulu, watak-watak perempuan dalam drama lakonan biasanya dipegang oleh kaum lelaki yang menyamar seperti wanita.

Pada abad ke 20 keadaan ini mula berubah, di mana reformasi telah menyebabkan kaum wanita sudah berani berlakon di khalayak ramai dengan restu dari ahli keluarga mereka (Cousins1941:113). Drama-drama yang diadakan pada masa ini juga telah menjadi media perantara untuk menyampaikan mesej dari pejuang politik kepada rakyat dan kaum wanita dikatakan begitu berani melakonkannya tanpa mengira risiko yang bakal dihadapi.

Reformasi ini membawa perubahan yang penting pada awal tahun 1890an. Ramai ibu-bapa mula menggalakkan kanak-kanak perempuan dan gadis remaja mempelajari seni tarian klasik India. Pada tahun 1917, Rabindranath Tagore, salah seorang reformis sosial dan politik terkenal, telah melatih murid-murid beliau di Santiniketan untuk berlakon bersama-sama, (Cousins,1941:112).

4.6.2 Tarian

Pada mulanya tarian klasik India dipersembahkan oleh wanita yang bergelar ‘Devadasi’ yang biasanya tinggal di kuil. Tugas mereka dikhaskan untuk menari ketika upacara sembahyang dan mereka disimbolik “dewi” atau tuhan. Golongan atasan dan pembesar diberikan penghormatan untuk mendampingi wanita-wanita ini. Lama-kelamaan mereka mula dipandang rendah oleh masyarakat India kerana bukan sahaja mereka menonjolkan bakat dalam bidang seni tari dan musik ketika upacara agama, tetapi berperanan sebagai perempuan simpanan golongan atasan. Namun,mereka ini merupakan golongan yang menyebar dan mewarisi tradisi

budaya tari India seperti Baratanatyam. Ramai daripada mereka diajar oleh tokoh guru tarian yang terkenal(Cousins,1941:111).

Satu sumbangan penting reformasi wanita ialah membolehkan penari-penari kuil yang digelar Devadasi ini memberikan sumbangan mereka dalam bidang tarian dan bidang seni dengan menjadi guru-guru tarian. Reformasi wanita menyedarkan masyarakat bahawa seni tarian dan musik bukan untuk golongan Devadasi sahaja malah ianya boleh dipelajari oleh orang ramai juga (Ibid:110).

Reformasi ini menyebabkan ramai wanita dari golongan atasan mula mempelajari seni tarian. Pada tahun 1917, apabila Rabindranath Tagore menubuhkan sebuah sekolah tarian di Santiniketan, ianya disertai oleh lelaki dan gadis remaja untuk mempelajari seni tarian secara bersama (Ibid:112).

Di Bombay pula, isteri seorang doktor terkenal, Puan Laila Sokey telah melibatkan diri dalam seni tarian ini secara profesional. Watak beliau dalam taridra “Menaka” telah mendapat nama di seluruh India, Eropah dan Amerika. Kini, masyarakat mula memberi perhatian kepada bidang tarian sebagai satu bidang yang mempunyai nilai seni yang amat tinggi . Ianya bukanlah terhad kepada golongan devadasi sahaja (Ibid:113).

.Di Tiruvendram, selatan India, Thankumani dan suami beliau Gopinath telah memodenkan tarian klasik yang terkenal di Kerala iaitu “Kathakali”. Seorang lagi tokoh wanita yang banyak menyumbang dalam bidang tarian klasik Barathanatyam ialah Srimati Rukmini Devi. Kini, musik dan seni lukis mula diperkenalkan sebagai

satu mata-pelajaran dalam kurikulum sekolah, kolej dan diperingkat universiti (Ibid:114).

4.6.3 Puisi

Antara sumbangan reformasi wanita dalam bidang puisi ialah dengan menyemarakkan lagi semangat nasionalisme di samping memuji sifat-sifat dan keunikkan seorang wanita India. Mereka yang banyak menyumbang dalam bidang ini adalah seperti Sarojini Devi Naidu dan Toru Dutt. Puisi ciptaan Sarojini Devi Naidu terkenal di seluruh dunia terutamanya di Britain dan Amerika dan Eropah pada era ini (Ibid:115).

Ramai yang begitu terpegun dengan kebijaksaaan dan kemerduan suara wanita ini. Ianya secara langsung telah menaikkan martabat wanita India di kalangan masyarakat antarabangsa. Kaum wanita turut menyampaikan puisi yang mempunyai nilai seni yang tinggi(Apendiks B) serta diselitkan dengan semangat nasionalisme tanpa disyaki oleh pihak Inggeris (Ibid:116).

Apabila “gramophone” atau pembesar suara diperkenalkan di India, ramai wanita mula melibatkan diri dalam bidang nyanyian secara profesional. Antara wanita yang terkenal pada masa ini seperti Dhanamal, M.Sundrambal di Bengal, penyanyi lagu Hindi seperti Shanta Apte telah mencipta nama diseluruh India kerana kemerduan suara beliau (Ibid:117).

4.6.4 Seni Lukis

Sejak usia kecil, kanak-kanak perempuan terutamanya, di selatan India diajar melukis “kolam”(corak yang dibuat dari tepung beras) di halaman rumah mereka ketika matahari terbit.Tradisi ini mencetuskan ramai wanita yang pandai melukis tetapi bakat mereka kurang diberi perhatian oleh ahli keluarga(Cousins,1941:118).

Sumbangan reformasi wanita dalam bidang ini bukan sahaja mencungkil bakat wanita di India, malah hasil karya mereka telah menarik perhatian orang-orang barat untuk mengenali lebih dekat warisan seni lukis India. Antara mereka yang menyumbang dalam bidang lukisan adalah seperti Pratima Devi(menantu Rabindranath Tagore), Sukumari Devi, Sunyani Devi dan Krishnabai. Melalui lukisan mereka, budaya masyarakat India yang pelbagai bentuk dapat diperkenalkan kepada rakyat tempatan dan masyarakat dunia (Ibid:120).

4.7 SUMBANGAN REFORMASI WANITA DI PERINGKAT

ANTARA-BANGSA

Pergerakkan reformasi banyak memberi kebebasan kepada wanita untuk keluar rumah. Peluang-peluang pendidikan bukan sahaja dibuka di India tetapi juga di luar negara. Reformasi wanita terbukti melahirkan satu generasi wanita yang boleh berdikari dan cerdik setanding dengan wanita dari negara-negara yang maju seperti England, Eropah dan Amerika. Mereka juga berani meninggalkan kampung halaman mereka untuk satu tujuan yang murni iaitu, melahirkan generasi wanita

India yang berilmu serta memperjuangkan kebebasan tanah air mereka dan bukannya tujuan berseronok atau lain-lain tujuan peribadi.

Ramai golongan kaya mula menghantar anak perempuan mereka belajar di England dan Amerika. Salah seorang yang mendapat peluang belajar di England adalah seorang wanita yang cerdik bernama Sarojini Devi Naidu. Ketika usia remaja beliau telah memukau ramai sarjana di Universiti Cambridge, England dengan kebijaksanaan menyampaikan berpuisi dan berjuang untuk kemajuan wanita India. Sarojini Naidu pernah melakukan lawatan ke Amerika dan ramai rakyat di sana terpegun dengan kebolehan wanita India menyampaikan hujah-hujah yang menarik mengenai kehidupan dan budaya masyarakat India (Cousins,1941:149).

Pada tahun 1907, Puan Ganggabai Khedkar, isteri seorang doktor dari wilayah Kolaphur telah menyampaikan falsafah Vedik di Dublin, Ireland. Peristiwa seperti ini bukan sahaja meningkatkan martabat wanita India di luar negeri tetapi memperlihatkan wanita India setanding pemikiran mereka dengan kaum lelaki dan masyarakat antara-bangsa yang maju (Ibid:143).

Pada tahun 1930, Persidangan Kebangsaan Wanita India atau All-India Women's Conference telah menjemput tokoh-tokoh wanita dari luar negara untuk turut serta dan berkongsi pendapat dengan wanita di India. Persidangan ini pertama kali diadakan di Lahore, Cousins(1941:144). Seramai 33 wanita diundang dari Burma, Sri Lanka,Persia, Jepun dan Afrika. Beberapa tetamu khas dari Britain, Amerika dan China dijemput sama untuk menyertai persidangan ini. Isu-isu yang diperbincangkan semasa persidangan ini adalah (Ibid:146):

1. Perpaduan di kalangan wanita Timur.
2. Peranan wanita dalam mengekalkan budaya dan tradisi Timur.
3. Mencari penyelesaian kepada pelbagai masalah sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat Asia yang miskin khususnya sumbangan kaum wanita untuk mengatasinya.
4. Berkongsi maklumat dan idea dengan wanita negara lain.
5. Sumbangan wanita dalam mempromosikan “keamanan dunia sejagat”.

Hasil usaha ini dilakukan untuk memberi gambaran yang jelas kepada masyarakat tempatan dan dunia sejauh mana wanita India boleh menyumbang tenaga ke arah kemajuan masyarakat dan negara mereka. .

Persidangan ini detik merupakan permulaan bagi ramai wanita India untuk melawat ke luar negara sebagai “duta” negara India bertujuan berkongsi pendapat dengan wanita luar negara. Salah seorang perintis wanita yang mengorak langkah ke arah ini adalah Sarojini Devi Naidu yang telah melawat hampir seluruh Eropah dan mengendalikan kuliah di Amerika tentang kedudukan dan perkembangan kaum wanita di India(Ibid:148).

Pada tahun 1934, Dr. Muthulakshmi Reddi, seorang tokoh wanita yang terkenal telah diundang ke persidangan “*Cause and Cure of War*” yang diadakan di Washington untuk menyampaikan hujah beliau, dan Puan Kamaladevi Chattopadhyaya pula diundang ke persidangan yang sama pada tahun 1940 (Ibid:150).

Kongres Kebangsaan India (INC) pula memilih Puan Rukmini Lakshminipathi untuk melawat Jepun sebagai wakil wanita India setelah beliau diundang oleh kerajaan Jepun ke sana. Puan Renuka Ray dan Puan Dina Asena pula telah melawat Timur Tengah dalam misi mereka mengenali kehidupan wanita yang berlainan nasionaliti dan bagaimana wanita India boleh menyumbangan ke arah kemajuan wanita sejagat (Ibid:149).

Puan Kamaladevi pernah telah melawat Mesir dan Turki dan berucap mengenai isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat India di Detroit yang bekerja di kilang-kilang kereta Ford pada masa itu(Margaret E. Cousins,1941:150).

Pergerakan reformis wanita banyak menyumbang ke arah peningkatan status wanita India bukan sahaja di kaca-mata masyarakat tempatan dan pihak British tetapi lebih jauh dari itu. Pergerakan ini juga merupakan satu pelantar bagi wanita untuk mengorak langkah memajukan diri mereka walaupun ianya membawa mereka jauh merantau ke negara asing.

Peradaban India kini mendapat perhatian ramai sarjana luar negara terutamanya dari barat yang mula mengkajinya dan menerima hakikat bahawa peradaban ini setanding dengan peradaban masyarakat lain yang unggul.

Kesimpulan:

Pada mulanya reformasi kaum wanita di India diperintisi oleh tokoh-tokoh reformis lelaki seperti Raja Ram Mohan Roy dan Keshab Chandra Sen, tetapi kemudiannya disertai oleh ramai tokoh wanita yang sama-sama memperjuangkan hak mereka disamping melaungkan semangat patriotik terhadap negara mereka.

Walaupun wanita tidak dibenar keluar rumah, kurang peluang pendidikan dan tidak mempunyai hak membuat keputusan dalam keluarga, namun pergerakan reformasi wanita telah berjaya mengatasi masalah-masalah ini dan bukan sahaja meningkatkan martabat wanita India malah telah menyebabkan kaum wanita berani berjuang disamping ayah,suami, anak lelaki, datuk dan kaum lelaki yang lain untuk memperjuangkan hak-hak masyarakat India.

Keberanian dan kesetiaan mereka telah banyak membawa kejayaan dalam proses pergerakan nasionalisme di India. Di samping itu, mereka yang berpelajaran dapat menaikkan martabat wanita di kalangan masyarakat Barat khususnya dan masyarakat dunia amnya.

Cara-cara mereka menyampaikan hujah di arena antarabangsa bukan sahaja menampakkan kebijaksanaan wanita India di mata masyarakat dunia, mereka mula melihat masyarakat India sebagai satu masyarakat yang mempunyai peradaban yang tinggi nilainya dan setanding dengan masyarakat lain yang mempunyai peradaban yang maju.

Satu keunikan wanita India yang jelas dapat dilihat,walaupun mereka berpendidikan, bijak, berani dan menjelajah ke banyak tempat termasuk luar negara, wanita-wanita ini masih dapat mengekalkan ciri-ciri kewanitaan sebagai seorang ibu mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri yang mulia tanpa melebihi batasan dan had yang yang diamalkan dalam tradisi dan budaya mereka. Kemajuan yang dicapai dari hasil sumbangan pergerakan reformasi wanita ini tidak dikompromi oleh arus kemodenan dan unsur negatif budaya Eropah.